



UPM Terima 1311 Pelajar Baru Pasca Siswazah



Prof. Turiman Suandi bergambar bersama pelajar semasa pendaftaran pelajar baru ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD).

SERDANG, 17 Feb – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima seramai 1311 kemasukan pelajar baru pengajian pasca siswazah bagi program ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata daripada jumlah tersebut, 1086 ialah pelajar program sarjana dan 225 bagi program PhD sementara 199 daripada keseluruhan pelajar baru terdiri daripada pelajar antarabangsa.

"Jumlah 1311 pelajar baru pasca siswazah tersebut menjadikan jumlah keseluruhan pelajar pengajian pasca siswazah yang belajar di UPM seramai 8,547 orang.

"Ini merupakan satu petunjuk baik bahawa UPM adalah sebuah universiti pilihan untuk pengajian lepasan ijazah," katanya pada Majlis Ikrar Pelajar Baru Siswazah Semester Kedua 2008/2009 dan Pelancaran Program Putra Sarjana 2009.

Beliau berkata semua pelajar harus mempertahankan status UPM sebagai universiti penyelidikan dengan menyumbangkan penerbitan berkualiti, pengkomersilan produk penyelidikan, paten dan penerimaan geran.

Sementara itu, Timbalan Dekan SPS, Prof. Turiman Suandi berkata program Putra Sarjana 2009 telah diwujudkan dengan mengambil pendekatan menyediakan suasana pembelajaran yang selera dan bersedia untuk membantu pembelajaran pelajar.

"Tujuan utama program ini untuk melengkapkan pelajar pasca siswazah dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam memastikan graduan siswazah yang dihasilkan adalah berkualiti.

"Pelajar-pelajar berkeupayaan memahami perkara-perkara lain seperti penggunaan portal, peraturan UPM, budaya penyelidikan, prosedur-prosedur untuk dilukt dalam penerbitan tesis mereka dan bersedia menghadapi cabaran akan datang," katanya.

Prof. Turiman berkata aktiviti-aktiviti itu digariskan secara menyeluruh daripada hari pertama pelajar-pelajar berdaftar sehingga mereka menyediakan laporan jurnal untuk peringkat akhir.

SPS UPM sebagai sekolah yang mengendalikan kursus pengajian pasca siswazah UPM telah menerima sijil MS ISO-9001:2000 dan ini menunjukkan komitmen UPM yang mengutamakan keperluan dan kepuasan pelanggan.

SPS mengurus dan menawarkan 250 program lepasan ijazah master dan PhD UPM dengan mempunyai pelajar antarabangsa daripada 50 buah negara.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia